

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY
 SANTIAGO
KAWASAN : KLANG
TARIKH : 10.11.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN : 33

YB. TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pendirian Kerajaan dan senaraikan mengapa Kerajaan menyokong "Investor-State Dispute Settlement" di dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Mekanisme *Investor-State Dispute Settlement* (ISDS) merupakan antara peruntukan-peruntukan utama di dalam mana-mana perjanjian perdagangan bebas. Sebagai satu mekanisme yang membenarkan pelabur merujuk kes masing-masing ke timbang tara antarabangsa selain daripada mahkamah tempatan, ianya memberikan pelabur hak dan jaminan bahawa pelaburan mereka dilindungi. Sepertimana yang pernah saya bangkitkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, ISDS bukan merupakan sesuatu perkara yang baru di dalam FTA. Malaysia sebelum ini telah pun menandatangani 74 perjanjian perlindungan pelaburan yang mengandungi peruntukan yang sama seperti ISDS. Perlu diingat bahawa, mekanisme ISDS memberi keyakinan kepada pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Ini kerana

dengan adanya perlindungan pelaburan, modal yang disalurkan pelabur adalah terjamin dan tidak terjejas sekiranya pelaburan mereka dibatalkan atau ditamatkan.

Peruntukan ISDS bukan hanya memberi manfaat kepada syarikat ataupun pelabur asing, tetapi juga memberi manfaat kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di negara-negara TPPA, kerana ia memberi perlindungan ke atas pelaburan mereka di negara-negara TPPA yang lain. Sehingga kini, dua syarikat Malaysia yang melabur di luar negara telah berjaya menggunakan peruntukan ISDS bagi tujuan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Kerajaan sentiasa meletakkan ruang membuat dasar sebagai salah satu perkara yang paling sensitif bagi Malaysia dan ianya merupakan salah satu pendirian tegas dalam kesemua rundingan ISDS. Kerajaan sentiasa menentukan peruntukan yang dirundingkan mempunyai tahap perlindungan (*safeguard*) yang bersesuaian untuk memastikan bidang-bidang kawal selia tidak terjejas serta tidak menghalang hak Kerajaan untuk menggunakan, mengekalkan, menguatkuasakan atau mengambil langkah domestik yang perlu dalam melindungi kepentingan negara.

Kerajaan yang mengambil maklum akan cabaran dan risiko dalam meneroka pasaran global luar dari negara kita. Sewajarnya, kerajaan perlu memberikan sokongan dan menghargai semangat keusahawanan yang tinggi yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat tempatan yang bekerja kuat, mengeluarkan modal yang besar dan melaburkan masa untuk bersaing di arena global. Peruntukan ISDS merupakan salah satu daripada elemen yang perlu ada agar lebih banyak syarikat-syarikat tempatan yang berkaliber berani menapak di pasaran asing.